

**TEKS UCAPAN ALUAN**  
**YANG DIPERTUA MPSP**  
**MAJLIS PERASMIAN PROJEK NAIK TARAF PASAR AWAM SRI**  
**BANDAR**

**21 DISEMBER 2013 (SABTU), JAM 8:30 PAGI**

---

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Adun - Adun Seberang Perai**

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Peniaga & Pengunjung Pasar Awam Sri Bandar

Para Wartawan

Tuan-Tuan, Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

.....

**Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera**

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang dan Yang Berhormat –Yang Berhormat kerana sudi melapangkan masa untuk hadir ke Majlis Perasmian Projek Naik Taraf Pasar Awam Sri Bandar pada pagi ini.

Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah memperuntukan RM 5 juta untuk menaiktaraf 3 buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar, Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal dan juga Pasar Awam Samagagah. Pasar Awam Sri Bandar ini telah dinaiktaraf dengan perbelanjaan sebanyak RM 1,894,674.55. Manakala sebanyak 23 pasar awam juga telah menjalani pembaikan kecil dengan peruntukan sebanyak RM 5 juta.

Kerja-kerja menaiktaraf Pasar Awam Sri Bandar ini amat mencabar bagi Majlis kerana projek terpaksa ditangguhkan pelaksanaannya beberapa kali kerana cabaran-cabaran yang tidak dapat dielakkan. Terdapat beberapa aspek bangunan hijau (*green building*) telah diserapkan di dalam rekabentuk bangunan pasar ini. Ini termasuk:-

- i. Pasar ini adalah berkonsepkan terbuka dengan rekabentuk bumbung yang tinggi bagi membolehkan peredaran udara di bahagian dalam dan memberi suasana yang selesa kepada peniaga dan pengunjung.
- ii. Kerja-kerja naiktaraf yang dijalankan adalah menukar jubin lantai jenis anti-gelincir
- iii. Menaiktaraf longkang dan penutup longkang di sekeliling pasar.
- iv. Bagi memudahkan pengelasan kategori jualan, setiap petak gerai dilengkapi dengan nombor gerai kekal yang dituliskan diatas jubin yang berbeza warna. Contohnya: jubin warna pink untuk jenis jualan sayur / runcit, jubin warna biru untuk jenis jualan ikan, manakala jubin warna kuning adalah untuk jualan ayam proses, daging lembu, daging kambing dan daging khinzir.
- v. Sebanyak 3 tandas lelaki, 3 tandas perempuan dan satu tandas OKU disediakan dan jubin bagi dinding dan lantai tandas juga adalah jenis anti-gelincir. Projek kali ini juga telah menukarkan semua bumbung tandas kepada yang baru. Ram turut disediakan bagi memudahkan golongan OKU untuk menggunakan tandas. Sinki konkrit dalam tandas juga dilengkapi dengan 3 kepala paip basuhan dan di dalam tandas juga dilengkapi dengan kipas siling serta lampu jenis 'flourecent. Sistem perpaipan dan sistem sanitari juga dinaiktaraf.
- vi. Pendawaian semula telah dijalankan bagi keseluruhan pasar dan juga tandas. Sebanyak 67 unit meter eletrik individu telah dipasang. Pasar ini juga dipasang dengan lampu kalimantang yang mencukupi.

- vii. Konsep pasar ini juga dilengkapi dengan 6 buah lubang ‘polycarbonat skylight’ yang bertujuan untuk memberi pencahayaan secara semulajadi dan penjimatan penggunaan elektrik.
- viii. Sebanyak 12 unit kipas siling dan 10 unit kipas jenis industri dipasang di pasar ini. Diharap dengan pemasangan kipas ini, pengudaraan di pasar ini akan menjadi lebih lancar.
- ix. Sebanyak 8 unit alat pembunuhan serangga (*insect killer*) dipasang.
- x. Parkir untuk golongan OKU juga disediakan untuk memberi kemudahan kepada golongan OKU yang mengunjungi Pasar Awam Sri Bandar. Di sekeliling kaki lima bangunan pasar ini juga diturap dengan “premix”.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya sebagai YDP MPSP ingin memohon kepada semua supaya dapat menjaga kebersihan dan kemudahan yang disediakan di pasar ini. Pasar baru yang dinaiktaraf ini hendaklah dijaga bersama oleh semua peniaga dan pengunjung. Saya berharap pasar ini dijadikan “Role Model”, iaitu satu pasar awam yang paling bersih di Seberang Perai, satu pasar awam berasaskan “wet market” yang bersih dan kering. Di luar negara, “wet market” mereka adalah kering dan bukannya basah terutamanya bahagian lantai.

Saya memohon kepada semua peniaga jangan membuat sebarang tambahan tanpa kelulusan daripada Majlis. Janganlah disambung atau ditambah *plug point* yang baru, ditambah paip air dan menjalankan pengubahsuaian struktur tanpa kelulusan Majlis. Jadikan pasar ini yang paling bersih, paling rendah kos penyelenggaraannya.

Pada tahun 2014, Majlis akan mengadakan pertandingan dan pengredan pasar dan kompleks makanan yang bersih. Pasar dan kompleks makanan Majlis yang mendapat Gred A akan diumumkan pada bulan Julai 2014 sempena dengan Hari Kualiti MPSP.

Kita menunggu begitu lama untuk mendapatkan pasar baru ini. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan YAB Tuan Lim Guan Eng selaku Ketua Menteri Pulau Pinang kerana telah memberikan peruntukan untuk membolehkan MPSP menaiktaraf Pasar Awam Sri Bandar menjadi gah seperti ini. Terima kasih saya ucapkan kepada wakil peniaga-peniaga Pasar Awam Sri Bandar, En. See Tee Eong dan juga semua peniaga-peniaga kerana telah memberikan sokongan dan kerjasama yang baik kepada MPSP sepanjang pelaksanaan projek ini.

Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang, YB-YB dan para jemputan kerana kesudian hadir ke Majlis Perasmian pada pagi ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

**Maklumat Tambahan Majlis Perasmian Projek Naiktaraf**  
**Pasar Awam Sri Bandar, Butterworth, SPU**

**1. PROJEK NAIKTARAF PASAR TAHUN 2012**

**(PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG)**

- 3 buah pasar awam dinaiktaraf dengan perbelanjaan sebanyak RM 4.73 juta

**2. PROJEK NAIKTARAF PASAR TAHUN 2012**

**(PERUNTUKAN MPSP)**

- 1 pasar awam dan 2 kompleks makanan dinaiktaraf dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 494,759.00

**3. PROJEK NAIKTARAF PASAR TAHUN 2013**

**(PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG)**

- Kerajaan Negeri memperuntukan RM 1.569 juta untuk mendirikan sebuah pasar awam dan menaiktaraf sebuah pusat penjaja

**4. PROJEK NAIKTARAF PASAR/PUSAT PENJAJA TAHUN 2013**

**(PERUNTUKAN MPSP)**

- Sebanyak 5 kompleks makanan telah dinaiktaraf dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 345,438.00

**5. PROJEK PASAR DIJANGKA AKAN DINAIKTARAF 2014**

**(PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG)**

- Kerajaan Negeri memperuntukan RM 1.119 juta untuk menaiktaraf 2 buah pasar awam

**6. PROJEK PASAR DIJANGKA AKAN DINAIKTARAF 2014**

**(PERUNTUKAN MPSP)**

- Sebanyak 9 buah kompleks makanan dan pasar awam dijangka akan dinaiktaraf dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta.